

Newspaper	SINAR HARIAN
Date	17 JULY 2017

## 'Takutnya pemimpin Umno kepada Pakatan Harapan'

*Sinar Harian - 17/7/2017 pg. 6*

SHAH ALAM- DAP mendakwa Umno semakin takut dengan kehadiran Pakatan Harapan selepas pemilihan beberapa tokoh politik menerajui pakatan politik pembangkang tersebut.

Ketua Parlimen DAP, Lim Kit Siang berkata, situasi ini dirasai apabila beberapa pemimpin parti Umno menyatakan pelbagai pandangan berhubung kepimpinan terkini pakatan tersebut, yang dilihat tidak begitu kagum dengan ahli politik yang terpilih.

"Selepas pengumuman dibuat, Datuk Seri Salleh Said Keruak menjadi pemimpin pertama yang memberikan pandangannya dan dilihat agak terkejut apabila tiada anggota DAP yang mengisi tiga jawatan tertinggi Harapan.

"(Selepas itu), Khairy Jamaluddin dilihat cuba menyelamatkan keadaan di sebalik ketiadaan anggota DAP, dengan mendakwa DAP akan menentukan polisi dan manifesto untuk Harapan, melihat kepada DAP sebagai parti yang mempunyai wakil paling banyak di dalam Parlimen," katanya dalam satu kenyataan.

Kit Siang menganggap pandangan Khairy sebagai remeh dan menyatakan sebarang polisi dan manifesto yang akan diperkenalkan, perlu mendapat persetujuan daripada semua parti komponen.

Beliau mendakwa, Harapan bukanlah seperti BN, kebanyakan polisi dan manifesto yang diperkenalkan adalah cadangan Umno, sejak beberapa dekad lalu.

"Selain mereka, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob masih lagi memainkan propaganda lapuk dengan mengatakan sekiranya Harapan menang, perdana menteri yang bakal dilantik pembangkang akan menjadi kuda tunggangan DAP.